

Suami isteri bangga genggam PhD

UNITED KINGDOM - Tiada saat lebih menggembirakan bagi sepasang suami isteri apabila masing-masing berjaya menamatkan pengajian dan menggenggam ijazah doktor falsafah (PhD) serentak pada majlis graduasi di University of Edinburgh, United Kingdom, 1 Disember lalu.

Dr Wan Fahmi Wan Mohamad Nazarie dan isterinya Dr Nur Annies Abd Hadi menerima PhD daripada Ketua Kolej Perubatan dan Perubatan Veterinar, University of Edinburgh, Profesor David Argyle di dewan McEwan di Edinburgh, Scotland.

Lebih menggembirakan majlis turut dihadiri dan disaksikan bapa Wan Fahmi, Datuk Wan Mohamad Nazarie, ibunya, Datin Norsina, adik bongsu, Wan Fakhrudin Atiqi serta ahli keluarga isterinya.

Kedua-duanya melanjutkan pelajaran ke peringkat kedoktoran di University of Edinburgh setelah menerima tawaran daripada Majlis Amanah Rakyat (Mara) melalui Program Pasca

Siswazah Luar Negara pada tahun 2012 dan 2013.

Wan Fahmi melakukan kajian tesis bertajuk 'Network-based visualisation and analysis of next-generation sequencing (NGS) data' di Roslin Institute, manakala Nur Annies melakukan kajian tesis bertajuk 'DNA methylation dynamics and epigenetic diversity in development' di Queen's Medical Research Institute.

Wan Fahmi yang bakal bertugas di Institut Perubatan Molekul, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah sepupu kepada penulis novel terkenal, Dr Wan Iman Wan Mohd Nazi dan juga anak saudara kepada pengayuh basikal tertua di Malaysia, Wan Hashim Wan Mahmood.

Isterinya pula bakal bertugas di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM).

Pasangan ini merupakan graduan bachelors masing-masing dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2007 dan menerima ijazah sarjana dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2011 dan 2013.



Wan Fahmi dan Nur Annies bergambar bersama keluarga selepas menerima ijazah doktor falsafah (PhD) serentak dalam majlis graduasi di University of Edinburgh, United Kingdom, 1 Disember lalu.